

PERLINDUNGAN HAK TERTUDUH BAGI KES JENAYAH SYARIAH DI MALAYSIA: ANALISIS PERBANDINGAN

(The Protection of the Rights of the Accused in Syariah Criminal Cases in Malaysia: A Comparative Analysis)

Suhaizad Saifuddin¹
suhaizad@ukm.edu.my

Intan Shafinaz Mohamadi²
intanmohammadi@gmail.com

Pusat Kajian Undang-undang Malaysia dan Perbandingan, Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 Bangi, Selangor, Malaysia.¹

Hamidi & Farid, No. 231-1A, 232-1A, Jalan Haruan 5/6, Pusat Komersil Oakland II, 70300 Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia.²

Pengarang koresponden (*Corresponding author*):²

Rujukan makalah ini (*To cite this article*): Suhaizad Saifuddin, & Intan Shafinaz Mohamadi. (2025). Perlindungan hak tertuduh bagi kes jenayah syariah di Malaysia: Analisis perbandingan. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 37(2), 311–340. [https://doi.org/10.37052/kanun.37\(2\)no6](https://doi.org/10.37052/kanun.37(2)no6)

Makalah ini telah melalui proses penilaian sulit berganda
(*This article has gone peer review process*)

Peroleh: <i>Received:</i>	6/3/2025	Semakan: <i>Revised</i>	10/6/2025	Terima: <i>Accepted:</i>	12/6/2025	Terbit dalam talian: <i>Published online</i>	31/7/2025
------------------------------	----------	----------------------------	-----------	-----------------------------	-----------	---	-----------

Abstrak

Hak tertuduh merupakan prinsip signifikan dalam kes jenayah. Pencabulan terhadap hak tertuduh sering menjadi isu yang hangat dibincangkan. Objektif kajian ini adalah untuk menganalisis hak tertuduh bagi kes jenayah syariah di Malaysia dan membandingkannya dengan sistem perundangan Common Law dan perspektif Islam. Kajian ini juga dilakukan untuk mengenal pasti kelemahan dan cabaran dalam pelaksanaan hak tertuduh bagi kes jenayah syariah di Malaysia, seterusnya mencadangkan penambahbaikan untuk memastikan hak tertuduh dilindungi secara lebih komprehensif dan adil. Kajian ini

menggunakan pendekatan kualitatif, iaitu data diperolehi melalui sumber primer, seperti statut perundangan dan kes yang dilaporkan, di samping sumber sekunder, seperti buku dan artikel jurnal. Data yang diperolehi dianalisis menerusi kaedah analisis perbandingan dan analisis deskriptif. Dengan berdasarkan hasil kajian, didapati bahawa Islam dan undang-undang melindungi hak tertuduh dengan sewajarnya. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kelompongan undang-undang dan kelemahan yang berkaitan dengan perlindungan hak tertuduh terhadap jenayah syariah berjaya dikenal pasti. Menerusi makalah ini, pengkaji mencadangkan agar peruntukan undang-undang dalam Enakmen Tatacara Jenayah Syariah ditambah baik bagi memastikan hak tertuduh dilindungi secara lebih menyeluruh, seterusnya memperkasakan sistem pentadbiran keadilan jenayah syariah di Malaysia.

Kata kunci: Jenayah, hak tertuduh, undang-undang syariah, Common Law, Enakmen Tatacara Jenayah Syariah, Kanun Tatacara Jenayah

Abstract

The rights of the accused represent a significant principle in criminal cases. Violations of these rights frequently spark debate and concern. The objective of this study is to analyse the rights of the accused in Syariah criminal cases in Malaysia and compare them with the common law legal system and the Islamic perspective. This study further seeks to identify weaknesses and challenges in the implementation of the rights of the accused within Syariah criminal proceedings in Malaysia, while proposing improvements to ensure more comprehensive and equitable protection. A qualitative approach was employed, with data obtained from primary sources such as legal statutes and reported cases, as well as secondary sources including books and journal articles. The collected data were then analysed through comparative and descriptive analysis methods. The findings of the study indicate that both Islamic law and civil law frameworks provide appropriate protection for the rights of the accused. However, several legal gaps and weaknesses were identified in the current protection mechanisms under Syariah criminal law. Based on these findings, this article suggests that the legal provisions in the Syariah Criminal Procedure Enactment be improved to ensure that the rights of the accused are more comprehensively protected, thus strengthening the administration of Syariah criminal justice in Malaysia.

Keywords: Crime, rights of the accused, Syariah law, Common Law, Syariah Criminal Procedure Enactment, Criminal Procedure Code

PENDAHULUAN

Dengan berdasarkan *Kamus Dewan Edisi Keempat*, 2016, kata “hak” bermaksud kebenaran atau kebenaran yang benar. Hak juga merujuk kuasa atas sesuatu atau untuk berbuat sesuatu yang ditentukan oleh undang-undang, agama, adat istiadat dan lain-lain. Selain itu, hak juga merujuk kekuasaan yang benar atas sesuatu atau untuk menuntut sesuatu. Dalam Islam, hak terbahagi kepada dua, iaitu hak kepada Allah dan hak kepada manusia. Contoh hak Allah ialah pelaksanaan hukuman hudud, pembayaran zakat dan kafārah yang tidak terdapat campur tangan manusia dalam hak tersebut. Hak sesama manusia pula bermaksud sesuatu yang berkaitan dengan kemaslahatan yang khusus dalam kalangan manusia dan padanya terdapat campur tangan manusia (Muhammad Afifi Abdul Hamid, 2019).

Konsep hak juga dibincangkan oleh ahli falsafah moden. Hak diertikan sebagai prinsip kebebasan atau perkara yang diiktiraf dan dibenarkan oleh sistem undang-undang, konvensyen sosial atau teori etika. Hak menentukan apa-apa yang dibenarkan atau terhutang kepada seseorang atau sekumpulan orang (Martin, 1997). Hak boleh dalam bentuk positif atau negatif dengan makna boleh memerlukan orang lain untuk melakukan, atau menahan atau melarang sesuatu. Hak dapat ditentukan dan diedarkan, dengan makna dapat diaplikasikan secara sama rata dan secara individu kepada yang berhak terhadapnya. Konsep hak ialah aspek penting dalam sistem undang-undang dan keadilan. Hak merujuk hak yang diberikan kepada individu atau kumpulan dalam masyarakat. Terdapat beberapa jenis hak yang relevan. Antaranya termasuklah hak sivil, iaitu hak yang berkaitan dengan hubungan antara individu dengan negara, seperti hak untuk bersuara, hak untuk memiliki harta benda dan hak untuk mendapat perlindungan undang-undang. Oleh itu, hak tertuduh bermaksud hak yang diberikan kepada seseorang yang dituduh melakukan kesalahan mengikut undang-undang jenayah. Semua individu, termasuk tertuduh, berhak mendapat perlindungan undang-undang dan keadilan yang adil. Hal ini bertepatan dengan Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan yang memperuntukkan bahawa setiap orang sama pada sisi undang-undang, serta tiada diskriminasi terhadap atas apa-apa alasan, sama ada agama, keturunan, jantina, pekerjaan dan sebagainya. Ketetapan ini dapat dilihat melalui kes *Pendakwa Raya lwn Dato' Seri Anwar Ibrahim* [1999] *MLJ* 321. Dalam kes ini, Mahkamah Persekutuan menekankan bahawa setiap individu, termasuklah tertuduh dalam kes jenayah, berhak mendapat

perlindungan dan keadilan yang adil di bawah Perkara 8 Perlembagaan Persekutuan, yang memastikan kesamaan pada sisi undang-undang dan menentang diskriminasi.

Dalam Islam, kesamarataan merupakan paksi utama hak manusia dan jaminan asasi terhadap kemuliaan hidupnya. Menurut Ibn Qayyim (1993) Umar ibn al-Khattab RA menggariskan cara pelaksanaan konsep kesamarataan ini kepada Abu Musa al-Asya'ari, iaitu setiap individu, baik yang kaya atau yang miskin, mempunyai hak yang sama untuk mendapatkan keputusan yang adil dan tidak berat sebelah dalam proses perundangan. Hal ini ialah refleksi daripada syariat Islam yang menekankan prinsip keadilan sosial, kemanusiaan dan kesaksamaan. Prinsip ini mengingatkan manusia bahawa dalam Islam, tidak ada ruang untuk diskriminasi dalam pemberian hak, terutamanya dalam sistem perundangan dan pengadilan. Setiap orang, tanpa mengira latar belakang, kedudukan atau status sosial, berhak diperlakukan secara saksama pada sisi undang-undang.

Hak tertuduh sangat luas untuk dibincangkan dan setiap hak dapat diperincikan perbincangannya dengan lebih mendalam. Hak tertuduh merangkumi setiap peringkat prosiding jenayah bermula daripada sebelum perbicaraan, ketika perbicaraan dan selepas perbicaraan. Setiap hak ini perlu dilindungi dan tertuduh perlu diberi haknya kerana inilah prinsip asas dalam sistem undang-undang yang mengutamakan keadilan dan perlindungan terhadap individu. Dalam makalah ini, hak tertuduh dibincangkan menurut perundangan common law terlebih dahulu, seterusnya barulah dibincangkan dari aspek perundangan syariah di Malaysia. Selanjutnya, hak tersebut dibincangkan dengan merujuk sumber al-Quran dan hadis bagi menganalisis persamaan dan perbezaan antara undang-undang dengan perspektif Islam.

KAJIAN LEPAS

Hak tertuduh dapat dikenal pasti melalui tiga peringkat perbicaraan, iaitu hak sebelum perbicaraan, hak ketika perbicaraan dan hak selepas perbicaraan. Hak ini perlu dilindungi bagi memastikan keadilan dapat ditegakkan dalam sistem kehakiman.

Hak Tertuduh sebelum Perbicaraan

Hak tertuduh sebelum perbicaraan bermula daripada tangkapan oleh pihak polis atau penguat kuasa agama. Hak ini meliputi hak untuk dibawa ke hadapan majistret dengan segeranya, hak untuk mengetahui sebab ditangkap dan ditahan, hak untuk berunding, diwakili dan dibela oleh peguam, hak untuk tidak ditahan secara berlebihan dan hak anggapan tidak bersalah.

Hak Mengetahui Sebab Ditangkap dan Ditahan

Perkara 5(3) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa orang yang ditangkap itu hendaklah diberitahu secepat mungkin alasan penangkapannya. Peruntukan yang sama dapat dilihat dalam Seksyen 28A(1) Akta 593 apabila pegawai polis yang melakukan tangkapan perlu memberitahu alasan penangkapan dengan seberapa segera yang boleh ketika tangkapan dilakukan. Perkara ini sangat penting kerana tertuduh perlu mengetahui sebab dirinya ditangkap atau alasan penangkapan, seterusnya mendapatkan maklumat yang secukupnya untuk digunakan bagi membela diri di mahkamah. Peruntukan ini secara khusus menerangkan hak tertuduh bagi kesalahan boleh tangkap. Dalam kes *Pendakwa Raya lwn Mah Chuen Lim & Ors* [1975] 1 MLJ 95, mahkamah merujuk Seksyen 54(2) Akta Tafsiran 1967 bagi memberikan penjelasan mengenai tafsiran "secepat mungkin" yang terdapat dalam Perkara 5(3) Perlembagaan Persekutuan. Seksyen 54(2) Akta Tafsiran 1967 memperuntukkan bahawa apabila undang-undang yang menyatakan sesuatu perkara hendaklah dilakukan "secepat mungkin", perkara itu hendaklah dilakukan dalam tempoh yang munasabah mengikut keadaan. Hal ini memberikan makna bahawa "secepat mungkin" tidak perlu dianggap sebagai suatu tempoh masa yang sangat singkat, tetapi mengikut kesesuaian situasi, keadaan dan faktor praktikal lain, seperti lokasi dan capaian terhadap mahkamah. Sementara itu, kes *Polis Diraja Malaysia lwn Audrey Keong Mei Cheng* [1994] 3 CLJ 362 (HC) melibatkan isu penting yang berkaitan dengan hak individu yang ditangkap untuk diberitahu sebab penangkapannya di bawah Perkara 5(3) Perlembagaan Persekutuan Malaysia. Kes ini menekankan bahawa jika pegawai polis yang melakukan penangkapan tidak memaklumkan alasan penangkapan kepada individu yang ditangkap, penangkapan itu boleh dianggap sebagai tidak sah dan melanggar hak perlembagaan individu tersebut.

Walau bagaimanapun, peruntukan khusus yang berkaitan dengan perkara tersebut tidak dinyatakan secara jelas melalui ETJSNS. Sebaliknya, Seksyen 35 ETJSNS hanya memperuntukkan berkenaan keperluan orang yang melaksanakan waran tangkap untuk memaklumkan isi butiran waran kepada orang yang ditangkap, yang melibatkan kes tidak boleh tangkap. Pegawai yang melaksanakan waran tangkap tersebut hendaklah mengemukakan dan menunjukkan waran berhubung waran itu atau salinannya di bawah meterai mahkamah kepada orang yang ditangkap. Dari perspektif Islam, agama ini melarang menahan seseorang

tanpa sebab yang jelas. Dalam Tafsir pimpinan al-Quran kepada pengertian al-Quran (2013), surah al-Israa' ayat 36, Allah SWT berfirman bahawa seseorang itu tidak boleh ditahan atau dihukum tanpa penjelasan yang jelas mengenai sebab penahanannya. Setiap tindakan harus berasaskan pengetahuan yang benar. Menurut Al-Ghazali (1997), alasan penahanan wajib dimaklumkan kepada seseorang yang ditahan. Beliau menegaskan bahawa keadilan tidak akan tercapai jika seseorang itu ditahan tanpa penjelasan yang jelas tentang tuduhan terhadapnya. Setiap individu yang tertuduh berhak untuk mengetahui tuduhan yang dikenakan terhadapnya bagi mengelakkan kezaliman. Tertuduh mesti diberi penjelasan segera mengenai sebab penangkapannya agar haknya tidak dicabuli. Keadilan dalam Islam menetapkan agar seseorang itu tidak boleh dizalimi melalui penahanan yang tidak dijelaskan (Ibn Qudamah, 1997).

Hak untuk Berunding, Diwakili dan Dibela oleh Peguam

Perkara 5(3) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa orang yang ditangkap perlu diberi hak untuk berunding dan dibela oleh peguam pilihannya. Peruntukan tersebut jelas menyatakan dua perkara yang dijamin oleh perlembagaan, iaitu hak untuk berunding dan hak untuk dibela oleh peguam. Seksyen 28A(2b) Akta 593 menyatakan bahawa seseorang pegawai polis hendaklah, sebelum memulakan apa-apa bentuk soal siasat atau rakaman apa-apa pernyataan daripada orang yang ditangkap, memaklumkan kepada orang itu bahawa dia boleh berkomunikasi atau cuba berkomunikasi dan berunding dengan pengamal undang-undang pilihannya. Seksyen 28A (3) pula memberikan hak kepada tertuduh untuk berunding dengan peguam bermula sejurus selepas tertuduh ditangkap dalam waktu yang munasabah. Penentuan, sama ada hak untuk berunding tersebut telah diberikan dalam waktu yang munasabah atau tidak bergantung pada fakta dan situasi setiap kes kerana Perkara 5(4) tidak menentukan masa yang wajar. Dalam kes *Pendakwa Raya lwn Mah Chuen Lim & Ors* [1975] 1 *MLJ* 95, hakim memutuskan bahawa apabila perlembagaan tidak menentukan suatu tempoh waktu, perkara tersebut perlu dilakukan seberapa segera yang mungkin yang bergantung pada keadaan sesuatu kes. Walau bagaimanapun, hak tertuduh untuk berunding dengan peguam boleh ditangguhkan sehingga siasatan selesai. Dalam kes *Ooi Ah Phua lwn Officer in Charge of Criminal Investigation, Kedah/ Perlis* [1975] 2 *MLJ* 198, diputuskan bahawa mahkamah perlu menimbang tara antara hak tertuduh untuk berunding dengan peguam dengan tugas

polis untuk menjaga kepentingan awam dan tugas polis untuk mengumpul bukti. Selain itu, hak untuk berunding dan diwakili oleh peguam diberikan ketika prosiding reman. Namun demikian, peguam mempunyai peranan yang terhad, iaitu sekadar untuk memastikan permohonan reman di bawah Seksyen 117 Akta 593 dilakukan secara teratur mengikut undang-undang dan tertuduh tidak ditahan melebihi tempoh yang dibenarkan oleh undang-undang (Mohd Hilmi Saadan & Ramizah Wan Muhammad, 2017). Merujuk kes *Tee Jun Wei lwn Inspector Parthiban Suntharam & Yang Lain* [2021] 8 CLJ 127, hakim memutuskan bahawa kegagalan Inspektor Parthiban Suntharam untuk memaklumi Tee Jun Wei tentang haknya untuk memberitahu keluarga atau rakan mengenai keberadaannya ialah pelanggaran serius terhadap Seksyen 28A KTJ. Ketidakpatuhan terhadap hak yang dijamin oleh peruntukan undang-undang ini memberikan kesan terhadap keabsahan penahanan dan dapat mengakibatkan pelanggaran terhadap hak asasi individu tersebut. Hakim menegaskan bahawa apabila seseorang individu ditangkap, pihak berkuasa mempunyai kewajipan untuk memaklumi orang tersebut tentang hak tersebut dengan jelas dan tepatnya. Seterusnya, Seksyen 255 Akta 593 menyatakan bahawa setiap tertuduh mempunyai hak untuk dibela oleh peguam di hadapan mahkamah jenayah. Oleh itu, penafian kedua-dua hak orang yang kena tangkap, iaitu untuk berunding dan dibela oleh peguam, yang menyebabkan sesuatu perbicaraan itu tidak sah (Alagan Srimurugan, 2006) telah menjadi prinsip asas undang-undang yang kukuh pada hari ini. Kewajipan ini dijelaskan melalui kes *Dorosamy a/l Chinnia @ Ali bin Abdullah lwn Pendakwa Raya* [2020] MLJU 2257.

Namun begitu, peruntukan yang berkaitan dengan hak tertuduh untuk berunding atau berkomunikasi seperti yang dinyatakan melalui Seksyen 28A tersebut tidak dinyatakan menerusi ETJSNS. Merujuk ETJSNS, Seksyen 104 hanya memperuntukkan bahawa setiap orang yang dituduh di mana-mana mahkamah berhak dibela oleh peguam syarie yang sama dengan Seksyen 255 Akta 593. Kelompangan peruntukan ini dapat menjejaskan hak tertuduh untuk mendapatkan hak untuk berunding dan berkomunikasi dengan pihak yang sewajarnya.

Dalam undang-undang Islam, hak untuk berunding, diwakili dan dibela oleh peguam berakar umbi dalam prinsip keadilan, yang menekankan bahawa setiap individu yang tertuduh atau terlibat dalam kes undang-undang mempunyai hak untuk mendapatkan pembelaan yang adil. Tafsir Pimpinan Ar-Rahman (JAKIM) (2013) surah al-Qasas, ayat 33–35 dan Abu Daud, (1993: 25492) menekankan prinsip keadilan dan hak untuk

mendapat pembelaan yang adil. Perkara ini sangat relevan dengan hak untuk diwakili oleh peguam dalam sistem perundangan. Dalam hal ini, peguam dapat dilihat sebagai individu yang diwakilkan untuk membantu tertuduh atau pihak yang bertikai agar hujahnya dapat disampaikan dengan lebih jelas dan berkesan di mahkamah. Hal ini bersesuaian dengan ajaran Islam yang menggalakkan seseorang untuk mendapatkan bantuan yang diperlukan bagi memastikan keadilan ditegakkan, sama seperti Musa AS yang memohon bantuan saudaranya untuk memastikan kebenaran dapat disampaikan. Hadis yang dinyatakan pula mengingatkan kepentingan agar peguam yang berkemahiran dalam perbicaraan undang-undang memastikan keterangan dan hujah yang diberikan jelas, tepat dan benar. Peguam, sebagai wakil sah akan memastikan bahawa fakta yang relevan dipersembahkan dengan baiknya di mahkamah. Jika tidak diwakili oleh peguam yang cekap, seseorang itu mungkin tidak dapat mempertahankan haknya dengan sewajarnya, seterusnya berisiko mengalami ketidakadilan.

Konsep peguam dalam Islam dikenali sebagai wakalah yang merujuk perwakilan, iaitu seseorang melantik orang lain untuk bertindak bagi pihaknya dalam urusan tertentu, termasuklah kes perundangan. Konsep ini membolehkan seseorang yang terlibat dalam sesuatu kes diwakili oleh orang lain, seperti peguam atau wakil yang berpengetahuan dalam undang-undang, terutamanya jika individu tersebut tidak dapat hadir atau kurang arif dalam hal yang berkaitan dengan undang-undang. Al-Kasani (1998) menjelaskan bahawa Islam membenarkan wakalah dalam urusan perundangan dan menyatakan bahawa wakalah ialah cara yang sah untuk mengelakkan kesulitan dalam urusan undang-undang. Wakil (peguam) bertindak untuk memastikan bahawa keadilan dicapai dan melindungi hak pelanggan. Penggunaan wakalah adalah sah dan digalakkan dalam kes apabila seseorang individu itu tidak mampu atau layak untuk membela dirinya sendiri. Wakil yang dilantik mestilah amanah dan bertanggungjawab apabila melaksanakan tugas yang diwakilkan (Al-Nawawi, 2002).

Hak untuk Tidak Ditahan Secara Berlebihan

Perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa tiada sesiapa yang boleh dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut prosedur yang ditetapkan oleh undang-undang. Reman tidak boleh digunakan sebagai bentuk hukuman sementara, tetapi sebagai langkah sementara untuk tujuan siasatan yang wajar dan mengikut peraturan undang-undang. Merujuk

Perkara 5(4) Perlembagaan Persekutuan Malaysia, seseorang yang ditahan oleh pihak berkuasa atau polis hanya boleh ditahan dalam tempoh 24 jam selepas penahanan. Dalam tempoh ini, pihak berkuasa mesti membawa individu tersebut ke hadapan majistret untuk memohon perintah reman jika memerlukan masa tahanan yang lebih lama bagi tujuan siasatan. Selepas tempoh 24 jam, jika pihak penguat kuasa mempercayai bahawa suspek tidak bersalah, suspek mesti dibebaskan. Walau bagaimanapun, perintah penahanan reman boleh diberikan jika pihak penguat kuasa berpendapat bahawa siasatan tidak dapat diselesaikan dalam tempoh 24 jam. Seksyen 117 Akta 593 ialah peruntukan undang-undang yang membenarkan penahanan suspek untuk tempoh lebih daripada 24 jam yang dikenali sebagai penahanan reman. Peruntukan ini juga menggariskan prosedur dan syarat untuk penahanan reman di Malaysia. Dengan berdasarkan Seksyen 117(1), reman merujuk penahanan sementara suspek oleh polis bagi tujuan siasatan lanjut selepas penangkapan dilakukan, tetapi sebelum kes dibawa ke mahkamah untuk perbicaraan. Selepas seseorang suspek ditangkap, polis boleh memohon perintah reman kepada majistret. Permohonan ini hanya dilakukan jika polis memerlukan masa tambahan untuk melengkapkan siasatan sebelum membawa kes ke mahkamah. Dalam kes *Quek Qin Long & Yang Lain lwn Pendakwa Raya* [2024] 10 CLJ 625, hakim menjelaskan tatacara permohonan reman dan memutuskan bahawa permohonan reman tidak boleh diwakilkan kepada pegawai polis lain.

Namun begitu, peruntukan berhubung dengan reman tidak dinyatakan dalam ETJSNS. Seksyen 22 ETJSNS memperuntukkan tatacara tangkapan yang tidak boleh melebihi tempoh 24 jam. Ketiadaan peruntukan yang berkaitan dengan penahanan reman bagi siasatan kesalahan jenayah syariah menimbulkan cabaran dan kesukaran untuk menjalankan siasatan yang lebih terperinci dan lengkap. Menurut Islam, penahanan seseorang atas tujuan selain hukuman, seperti siasatan, dibenarkan (Abu al-Walid al-Baji, 1999). Hal ini diperkukuh melalui riwayat daripada Harmas ibn Habib dalam Abu Daud (1993: 3474): “Aku membawa seseorang yang berhutang kepada Nabi SAW. Nabi SAW kemudian mengarahkan agar orang tersebut ditahan. Baginda bertanya: “Apa yang telah kamu lakukan terhadap tawanan tersebut?”

Peristiwa yang dinyatakan ini menunjukkan bahawa pada zaman Nabi SAW, penahanan dilakukan dalam situasi tertentu walaupun tanpa kemudahan khas, seperti penjara pada hari ini. Penahanan seperti ini dilakukan secara tidak formal, iaitu hanya berdasarkan situasi dan keperluan untuk menegakkan keadilan. Pada zaman Nabi SAW, penahanan

boleh dilakukan di tempat, seperti masjid, yang pada masa itu tidak mempunyai sistem penjara yang formal. Tindakan ini juga menunjukkan bahawa penahanan untuk tujuan siasatan atau memastikan pembayaran hutang dibenarkan dalam Islam, asalkan dilakukan dengan niat untuk menegakkan keadilan.

Perkara ini dapat dilihat dalam Sahih al-Bukhari (1997:4372) apabila Nabi SAW membiarkan selama tiga hari, memberinya peluang Thumamah yang ditahan dan diikat pada tiang masjid untuk merenung dan memperbaiki niatnya. Setelah tiga hari, Nabi SAW memerintahkan agar Thumamah dibebaskan tanpa mengenakan hukuman.

Terdapat juga peristiwa ketika beberapa orang daripada kaum Muawiyah ibn Haydah yang ditahan oleh Nabi SAW atas dasar tuduhan. Seorang lelaki datang kepada Nabi SAW yang sedang berkhotbah dan bertanya tentang alasan jirannya ditahan. Nabi SAW mendinginkan diri dan kemudian berkata bahawa ada yang menuduh lelaki tersebut melarang sesuatu, tetapi melakukannya secara diam-diam. Nabi SAW kemudiannya meminta agar jirannya dibebaskan (Ahmad ibn Hanbal, 1999:20019). Peristiwa ini mengukuhkan prinsip bahawa penahanan seseorang berdasarkan tuduhan adalah sah dalam Islam. Dalam hal ini, Nabi SAW memberikan ruang kepada orang yang ditahan untuk membersihkan namanya. Tindakan menahan seseorang berdasarkan tuduhan boleh diterima, namun proses penyiasatan harus dilakukan dengan adil dan telusny. Sekiranya tuduhan tersebut tidak dapat dibuktikan atau tidak wajar, tindakan membebaskan individu yang ditahan ialah langkah yang betul. Kes ini juga menunjukkan bahawa hakim atau pemimpin mempunyai kuasa untuk menahan seseorang berdasarkan tuduhan, tetapi perlu disertai bukti atau penilaian yang adil.

Hak untuk Dibawa ke Mahkamah dengan Segeranya

Perkara 5(4) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan keperluan untuk membawa orang yang ditangkap ke hadapan majistret dalam tempoh 24 jam tanpa kelengahan yang tidak munasabah dan tidak boleh ditahan dalam jagaan melebihi tempoh tersebut tanpa kebenaran majistret. Tujuan utama hak ini diberikan kepada tertuduh adalah untuk mengelakkan sebarang penahanan yang tidak sah tanpa kebenaran majistret. Pindaan Akta 593 pada tahun 2006 telah menggantikan kata “mahkamah majistret” kepada “majistret” sahaja dan pindaan ini selari dengan Perkara 5(4) Perlembagaan Persekutuan untuk membawa orang kena tangkap ke hadapan majistret dalam tempoh 24 jam tanpa mengehadkan tempat di

mahkamah atau waktu pejabat (Hamid Sultan Abu Backer, 2010). Pindaan ini menjelaskan semua ketidakpastian tentang cara pengiraan masa 24 jam kerana cuti telah dikecualikan dalam pengiraan tempoh 24 jam sebelum ini. Walaupun penangkapan dilakukan pada hari cuti mingguan atau cuti umum, penahanan orang yang kena tangkap perlu dibawa ke hadapan majistret dalam tempoh 24 jam (Baljit Singh Sidhu, 2016). Tempoh ini juga dijelaskan dalam Seksyen 28 Akta 593.

Dalam tatacara jenayah di mahkamah syariah, Seksyen 22 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003 (ETJSNS) juga mempunyai peruntukan yang sama, iaitu tertuduh tidak boleh ditahan melebihi tempoh 24 jam dan pegawai penguat kuasa agama atau polis yang melakukan penangkapan hendaklah membawa orang yang ditangkap ke hadapan hakim mahkamah rendah syariah tanpa kelengahan yang tidak munasabah. Mahkamah perlu serta-merta mendengar pertuduhan terhadap orang kena tangkap itu atau menengguhkan kes. Sekiranya mahkamah menengguhkan kes, orang kena tangkap boleh dilepaskan dengan jaminan atau ditahan di dalam penjara atau jagaan polis.

Dalam Islam, prinsip keadilan dan tidak dizalimi sentiasa dititikberatkan. Dalam Tafsir Pimpinan ar-Rahman (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia [JAKIM]) (2013: 200) surah an-Nisaa', ayat 58, Allah SWT menegaskan kepentingan keadilan dalam penetapan hukum, termasuklah dalam proses penangkapan dan penahanan. Penahanan seseorang tanpa membawa mereka ke hadapan hakim untuk penentuan kesahihan penahanan ialah suatu bentuk kezaliman yang bertentangan dengan prinsip Islam.

Dengan berdasarkan hadis yang diriwayatkan oleh Ahmad Ibn Hanbal (1999: 20019), hadis ini dapat dikaitkan dengan konsep bahawa tidak boleh ada penangguhan yang tidak wajar apabila memutuskan, sama ada seseorang itu bersalah atau tidak. Oleh itu, seseorang yang ditahan perlu segera dibawa ke hadapan hakim atau pihak berkuasa untuk menyelesaikan kesnya. Maka hadis ini menyokong prinsip dalam Islam bahawa seseorang tidak boleh ditahan tanpa proses keadilan yang segera. Penangguhan tanpa sebab yang sah dalam penentuan salah atau tidak seseorang pada bertentangan dengan keadilan Islam.

Dalam peristiwa yang lain, Rasulullah SAW dengan cepatnya memutuskan pertikaian dan menyuruh pihak yang terlibat dibawa ke hadapan baginda dengan segeranya. Dalam kisah pembebasan tawanan Perang Badar, baginda dengan segeranya memutuskan nasib tawanan tersebut berdasarkan bukti dan perbincangan, bukannya menahannya

secara berpanjangan tanpa keputusan yang jelas. Peristiwa ini dapat dilihat dalam hadis yang merujuk tindakan Rasulullah SAW terhadap tawanan Perang Badar, khususnya yang tidak mampu membayar tebusan yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas RA. Dalam kisah ini, baginda membenarkan tawanan yang celik huruf untuk mengajar anak kaum Ansar membaca dan menulis sebagai ganti tebusannya (Ahmad ibn Hanbal, 1999: 2157). Dalam peristiwa Perang Badar, selepas pertempuran yang sengit, Rasulullah SAW dengan cepatnya memutuskan nasib tawanan perang yang ditangkap. Tawanan yang tidak mempunyai hubungan yang kuat dengan pihak musuh dibebaskan dengan bayaran tebusan. Bagi tawanan yang lebih terikat dengan musuh atau yang tidak ada kemampuan untuk membayar tebusan, baginda memutuskannya berdasarkan apa-apa yang dapat memberikan manfaat kepada masyarakat Islam.

Hak Anggapan Tidak Bersalah

Anggapan tidak bersalah sehingga terbukti bersalah ialah hak asas tertuduh. Sepanjang prosiding jenayah, tertuduh tidak bersalah sehingga dibuktikan atau disabitkan bersalah oleh mahkamah. Dalam sistem perundangan common law, tertuduh diberi hak untuk dianggap tidak bersalah sehingga pihak pendakwa dapat membuktikan bahawa kesalahannya melampaui keraguan munasabah (beyond a reasonable doubt). Oleh hal yang demikian, pihak pendakwa perlu menanggung beban pembuktian yang berat. Anggapan tidak bersalah melindungi hak tertuduh untuk mendapat perbicaraan yang adil dan memastikan tertuduh tidak dihukum atau diperlakukan sebagai penjenayah sebelum kesalahannya dibuktikan. Dalam kes *W Woolmington lwn Pendakwa Raya* [1935] AC 462, Lord Sankey, pada ketika itu, mengeluarkan satu pernyataan terkenal yang menggariskan bahawa prinsip anggapan tidak bersalah ialah asas utama dalam sistem perundangan common law. Menurut Lord Sankey, sepanjang perbicaraan jenayah, beban pembuktian terletak pada pendakwa untuk membuktikan bahawa kesalahan tertuduh melampaui keraguan munasabah dan prinsip ini berlaku sepanjang masa sehingga akhirnya.

Di Malaysia, prinsip ini disahkan dalam kes *Mat lwn Pendakwa Raya* [1963] CLJU 82; [1963] 1 MLJ 263 apabila hakim mahkamah persekutuan menekankan bahawa pihak pendakwa perlu membuktikan setiap elemen pertuduhan tanpa sebarang keraguan yang munasabah. Penggunaan prinsip ini masih menjadi ikutan dalam kes terkini, misalnya dalam kes *Pendakwa Raya lwn Yagambaram Chettiar Kaparoom & Yang Lain* [2024] CLJU 2586.

Dalam perundangan syariah, peruntukan yang berhubung dengan beban pembuktian dinyatakan secara jelas dalam Seksyen 101 hingga Seksyen 104A Akta Keterangan (Akta 56). Peruntukan tersebut menjadi pari materia dalam Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 (EKMSNS). Walau bagaimanapun, terdapat beberapa peruntukan yang terkandung dalam Akta 56 yang tidak dimasukkan dalam EKMSNS, seperti peruntukan yang berkaitan dengan anggapan dalam penerbitan di bawah Seksyen 114A. Selain itu, terdapat beberapa isu yang berkaitan dengan pelaksanaan peruntukan mengenai beban pembuktian yang timbul akibat ketidakseragaman dan kekeliruan dalam kalangan pengamal undang-undang syariah terhadap pemahaman dan aplikasi prinsip tersebut (Suhaizad Saifuddin et al., 2024).

Dalam Islam, konsep tertuduh tidak bersalah sehingga dibuktikan sebaliknya diterima berdasarkan kaedah usul fiqah "*Al-Istishab*". Kaedah ini bermaksud, mengekalkan sesuatu hukum yang disabitkan dengan dalil pada masa lalu dan berterusan sehingga kini, kecuali ada dalil lain yang mengubahnya (Ibn Hazm, 1983). Kaedah fiqah yang berkaitan dengan kaedah usul fiqah tersebut adalah kaedah "*pada asalnya seseorang itu bebas daripada sebarang tanggungan*" (Al-Hariri, 1998), kaedah "*asal segala sesuatu itu tiada*", (Al-Nadwi, 1998) dan kaedah "*asal sesuatu itu kekal mengikut apa yang ada sebelumnya sehinggalah ada dalil yang menyatakan sebaliknya*" (Muhamad Mustafa al-Zuhaili, 2009). Sebagai tambahan, hak ini selari dengan hadis Nabi SAW yang bermaksud; "*Sekiranya manusia diberi (hak) berdasarkan dakwaan mereka semata-mata, nescaya akan ada orang yang mendakwa darah dan harta orang lain. Tetapi (yang menjadi kewajipan ialah) bukti atas orang yang mendakwa, dan sumpah atas orang yang menafikan.*" (Abu Daud, 1993: 3611). Hadis ini meletakkan beban pembuktian terhadap pihak pendakwa (Suhaizad Saifuddin et al., 2020). Oleh itu, pendakwa bertanggungjawab untuk mendakwa tertuduh dengan kesalahan, bukannya tertuduh yang harus menyediakan bukti untuk menafikan pertuduhan. Hal ini dikatakan demikian kerana tertuduh masih terikat di bawah prinsip anggapan tidak bersalah selagi pembuktian dan keterangan yang kukuh dan tanpa keraguan yang munasabah gagal dibuktikan (Suhaizad Saifuddin et al., 2020).

Hak ketika Perbicaraan

Mahkamah ialah badan yang bertanggungjawab untuk menjalankan tugas keadilan dan penghakiman, serta institusi yang amat penting

di sesebuah negara bagi menegakkan keadilan. Hukum syarak dapat dilaksanakan dengan wujudnya sistem kehakiman yang mengamalkan konsep keadilan, sekali gus dapat menyelesaikan pertikaian antara dua pihak. Perbicaraan merangkumi perkara yang berkaitan dengan proses pendakwaan, pembuktian, penghakiman dan sanggahan terhadap hukuman atau keputusan. Setiap proses ini mempunyai tatacara yang tersendiri berpandukan garis panduan yang digariskan oleh syarak.

Hak untuk Dilepaskan dengan Jaminan

Tertuduh boleh dibebaskan dengan jaminan daripada mahkamah sementara menunggu keputusan kes. Jaminan ini melibatkan deposit wang yang diberikan oleh penjamin (biasanya keluarga atau rakan tertuduh) untuk memastikan tertuduh hadir ke mahkamah. Jaminan ini bukanlah suatu bentuk hukuman, tetapi tindakan untuk memastikan tertuduh hadir pada hari perbicaraan yang ditetapkan oleh mahkamah. Prinsip ini dapat dilihat dalam kes *Moh Ting King lwn Pendakwa Raya* [1995] 3 *MLJ* 461 dan *Mohd Jalil bin Abdullah & Anor lwn Pendakwa Raya* [1996] 5 *MLJ* 564 apabila mahkamah tinggi mengesahkan prinsip yang digariskan dalam *R lwn Rose* [1895-1899] *All ER* 350 yang menyatakan bahawa jaminan tidak seharusnya dijadikan sebagai hukuman kerana syarat jaminan adalah semata-mata untuk memastikan kehadiran tertuduh pada hari perbicaraan.

Menurut common law di Malaysia, terdapat tiga jenis jaminan berdasarkan kes. Pertama, kesalahan yang boleh dijamin, iaitu kesalahan yang membolehkan tertuduh memohon untuk dibebaskan sementara sebelum perbicaraan di mahkamah. Biasanya, seseorang yang dituduh melakukan kesalahan ini boleh mendapat jaminan jika memenuhi syarat tertentu, seperti membayar sejumlah wang jaminan atau mendapatkan penjamin. Dalam Seksyen 387 Akta 593, diperuntukkan bahawa seseorang yang ditangkap atau ditahan tanpa waran oleh pegawai polis, hendaklah dibebaskan dengan jaminan oleh pegawai yang bertanggungjawab terhadap balai polis atau mana-mana pegawai polis yang tidak berpangkat koperas jika orang tersebut bersedia untuk memberikan jaminan. Seseorang itu juga boleh dibebaskan dengan menandatangani ikat jamin tanpa penjamin untuk memastikan kehadirannya di mahkamah. Kedua, kesalahan tidak boleh jamin ialah kesalahan yang menyebabkan tertuduh tidak dibenarkan untuk memohon jaminan secara automatik atau diberi hak untuk dibebaskan sementara sebelum perbicaraan. Dalam kes ini, keputusan, sama ada tertuduh boleh dibebaskan atas jaminan atau

tidak, ditentukan oleh mahkamah berdasarkan keadaan kes tersebut dan fakta yang ada. Merujuk Seksyen 388 Akta 593, seseorang yang dituduh atas suatu kesalahan yang tidak boleh dijamin dan ditangkap atau ditahan tanpa waran oleh pegawai polis, boleh dilepaskan dengan jaminan dalam keadaan tertentu sebagaimana yang dibenarkan oleh undang-undang. Seksyen 388 ini jelas terpakai terhadap kesalahan tidak boleh dijamin, yang kesalahan tersebut lebih serius sifatnya dan pemberian jaminan bergantung pada budi bicara mahkamah. Dengan erti kata lain, dalam kesalahan tidak boleh dijamin, mahkamah atau pegawai polis yang bertanggungjawab mempunyai kebebasan untuk memutuskan sama ada tertuduh boleh diberi jaminan atau tidak, bergantung pada bukti yang ada dan keputusan siasatan lanjut dan berdasarkan amalan yang munasabah berdasarkan Seksyen 390 Akta 596. Kategori ketiga ialah kesalahan apabila tertuduh tidak dibenarkan langsung untuk memohon jaminan, tanpa mengira keadaan. Kesalahan ini ialah kesalahan yang sangat serius dan biasanya melibatkan ancaman serius terhadap keselamatan awam, integriti negara atau kehidupan seseorang. Dalam kes ini, tertuduh tidak boleh dibebaskan sebelum perbicaraan dan perlu terus ditahan sehingga keputusan akhir dicapai oleh mahkamah. Syarat jaminan telah dijelaskan dalam banyak kes, misalnya kes *Pendakwa Raya lwn Dato' Seri Anwar Ibrahim* [1998] 4 *MLJ* 481 dan kes *Sook Shiok Liong lwn Pendakwa Raya* [1993] 2 *MLJ* 381. Tatacara jaminan tersebut juga dijelaskan oleh hakim Mahkamah Persekutuan menerusi kes *Inspector Yusof Hj Othman & Ors lwn Kwan Hung Cheong* [2011] 8 *CLJ* 1.

Walau bagaimanapun, semua kesalahan jenayah syariah boleh diikat jamin. Hal ini dikatakan demikian kerana undang-undang jenayah syariah tidak mengkategorikan kesalahan boleh jamin atau tidak sebagaimana dalam Akta 593. Jaminan bagi kes jenayah syariah diperuntukkan secara umum dalam Seksyen 185 ETJSNS, iaitu seseorang yang ditangkap atau ditahan tanpa waran oleh pegawai penguat kuasa agama atau pegawai polis, atau yang hadir atau dibawa ke hadapan mahkamah, dan bersedia pada bila-bila masa ketika dalam jagaan atau ketika prosiding di hadapan hakim untuk memberikan jaminan, hendaklah dibebaskan atas jaminan. Pembebasan ini boleh dilakukan oleh pegawai penguat kuasa agama, pegawai polis yang menjaga balai, mana-mana pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada inspektor atau oleh mahkamah.

Hak untuk jaminan dalam Islam berlandaskan prinsip keadilan, kesaksamaan dan perlindungan daripada penindasan. Konsep *kafalah* (jaminan) membolehkan seseorang tertuduh dibebaskan sementara

menunggu perbicaraan dengan syarat bahawa terdapat seorang penjamin yang bertanggungjawab untuk memastikan tertuduh hadir di mahkamah. Prinsip ini menjamin bahawa individu yang belum disabitkan kesalahan tidak dizalimi melalui penahanan yang tidak adil atau berpanjangan. Fuqaha dalam pelbagai mazhab menyokong konsep jaminan sebagai satu cara untuk menegakkan keadilan dalam sistem perundangan Islam. Dalam Tafsir Pimpinan ar-Rahman (JAKIM) (2013:128), surah al 'Imraan ayat 37, Allah SWT berfirman yang bermaksud "Maka ia (Maryam yang dinazarkan oleh ibunya) diterima oleh Tuhannya dengan penerimaan yang baik dan dibesarkan dengan didikan yang baik serta diserahkannya untuk dipelihara oleh Nabi Zakariya."

Istilah kafalah dalam konteks ini merujuk tanggungjawab nabi Zakariya untuk memelihara dan membesarkan Maryam (ibu nabi Isa). Dalam sistem perundangan, kafalah merujuk mekanisme jaminan, iaitu tertuduh boleh dibebaskan sementara dengan syarat adanya penjamin yang bertanggungjawab untuk memastikan tertuduh hadir semula ke mahkamah bagi tujuan perbicaraan. Oleh itu, sekiranya tiada risiko tertuduh melarikan diri, pembebasan sementara melalui *kafalah* dibenarkan (Al-Kasani, 1998).

Hak untuk Perbicaraan di Hadapan Mahkamah yang Adil

Seksyen 15(1) Akta Kehakiman Mahkamah 1964 dan Seksyen 7 Akta 593 menyatakan bahawa setiap perbicaraan di mahkamah, sama ada kes sivil atau jenayah, di Malaysia hendaklah dilakukan secara terbuka, terutamanya untuk kepentingan keadilan, keselamatan awam atau alasan lain yang munasabah untuk berbuat demikian. Antara konsep umum prosiding mahkamah termasuklah pelaksanaan semua sidang perbicaraan secara terbuka. Hal ini bertujuan untuk membolehkan sesiapa sahaja mendengar dan mengikuti seluruh proses perbicaraan yang dilakukan. Tiada pihak yang boleh menghalang sesiapa yang ingin menghadiri sesi perbicaraan terbuka melainkan dalam beberapa keadaan perbicaraan yang perlu dilakukan secara tertutup. Menerusi Seksyen 12(3) Akta Kanak-Kanak 2001, persidangan perbicaraan di mahkamah bagi kanak-kanak hendaklah dilakukan secara tertutup, iaitu tidak boleh dihadiri oleh orang ramai. Tujuan utama peruntukan ini adalah untuk melindungi hak dan privasi kanak-kanak yang terlibat dalam kes, serta memastikan kanak-kanak tersebut tidak terdedah pada situasi yang boleh memberikan kesan negatif terhadap perkembangan emosi dan psikologinya.

Selain itu, hak untuk perbicaraan yang adil juga merangkumi hak untuk perbicaraan yang cepat. Hal ini dikatakan demikian kerana Perkara 5(1) Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada seorang pun yang boleh dilucutkan kebebasan dirinya kecuali mengikut undang-undang. Prinsip asas dalam sistem kehakiman di Malaysia ialah keadilan yang tertangguh ialah keadilan yang ditolak (*Justice Delayed is Justice Denied*). Oleh itu, Akta 593 telah melalui beberapa pindaan untuk menambah baik prosedur kes jenayah, seperti memasukkan prosedur tawaran pengakuan (*plea bargaining*), perundingan sebelum perbicaraan dan pengurusan kes bagi melancarkan keseluruhan prosiding dan perbicaraan kes jenayah, serta memastikan kedua-dua pihak, iaitu pendakwa raya dan peguam bela, sentiasa bersedia dan tiada sebarang kelewatan yang disengajakan.

Perkara 9(3) dalam International Covenant on Civil and Political Rights (ICCPR) memperuntukkan bahawa mana-mana individu yang ditangkap atau ditahan atas tuduhan jenayah hendaklah dihadapkan dengan segeranya ke hadapan seorang hakim dan berhak untuk dibicarakan dalam tempoh yang munasabah atau dibebaskan sementara menunggu perbicaraan. Peruntukan ini menekankan bahawa sebarang kelewatan untuk membawa tertuduh ke hadapan hakim atau kelewatan untuk menjalankan perbicaraan tanpa alasan yang wajar boleh dianggap sebagai pencabulan hak asasi. Oleh itu, hak ini bertujuan untuk mencegah penahanan sewenang-wenangnya dan melindungi kebebasan peribadi individu yang tertuduh. Hak yang sama turut dinyatakan dalam European Convention on Human Rights (ECHR) melalui Artikel 5(3) dan Artikel 6(1) yang menegaskan bahawa setiap individu yang ditahan mestilah segera dibawa ke hadapan hakim dan berhak dibicarakan dalam tempoh yang munasabah oleh tribunal yang bebas dan adil, manakala kelewatan melampau dianggap sebagai pelanggaran hak untuk mendapatkan keadilan. Selain itu, hak untuk dibicarakan di mahkamah yang adil bermaksud bahawa mahkamah berkecuali dan bebas. Mahkamah yang adil adalah apabila hakim yang adil membicarakan kes berkenaan dan bebas daripada pengaruh luar. Hakim perlu bertindak berdasarkan fakta dan undang-undang (Tengku Maimun Tengku Mat, 2024). Akta 593 juga memperuntukkan hal yang berkaitan dengan larangan untuk mengendalikan kes yang dirinya mempunyai kepentingan dalam kes tersebut.

Dalam Seksyen 6 ETJSNS, ditetapkan bahawa perbicaraan mahkamah syariah hendaklah dilaksanakan secara terbuka, iaitu orang awam dibenarkan untuk menghadiri prosiding perbicaraan. Namun begitu, peruntukan khusus yang berkaitan dengan perbicaraan tertutup tidak

dinyatakan. Selain itu, peruntukan yang berkaitan dengan *plea bargaining*, konferen praperbicaraan dan pengurusan kes bagi melancarkan keseluruhan prosiding juga tidak diperuntukkan. Seterusnya, dalam Seksyen 225 ETJSNS diperuntukkan bahawa hakim tidak boleh membicarakan apa-apa kes dirinya menjadi suatu pihak atau mempunyai kepentingan sendiri, dan tidak boleh memutuskan suatu kes jika dirinya ialah suatu daripada pihak yang terlibat, jika melibatkan ahli keluarga dan telah memberikan pendapat peribadinya.

Dengan berdasarkan perspektif Islam, hak untuk perbicaraan awam di hadapan hakim yang adil ialah suatu prinsip yang penting. Prinsip ini menjamin bahawa setiap individu yang dituduh berhak untuk didengar dan diadili secara terbuka dan saksama. Dalam Islam, keadilan ialah asas dalam semua proses undang-undang dan perbicaraan yang dilaksanakan dengan mematuhi prinsip keadilan, kesaksamaan dan keterbukaan sebagaimana yang diperintahkan oleh Allah SWT menerusi Surah an-Nisa' ayat 58 tersebut.

Ayat al-Quran ini diperkukuh dengan pesanan Umar Ibn al-Khattab RA melalui risalah kepada Abu Musa al-Asya'ari berhubung dengan keadilan dalam perbicaraan sebagaimana yang dijelaskan sebelum ini. Dalil ini menekankan keadilan dalam setiap aspek penghakiman, termasuklah perbicaraan. Perbicaraan awam yang adil memastikan keputusan ditetapkan berdasarkan bukti yang sahih dan dilaksanakan secara terbuka agar dapat dilihat oleh orang lain (Ibn Qayyim, 1993). Dalam pada itu, Dr. Abdul Karim Zaidan (1989) memberikan penekanan terhadap prinsip keadilan dalam Islam yang menuntut kesegeraan dalam proses penghakiman tanpa mengorbankan ketelitian. Menurut beliau, tindakan mempercepat pelaksanaan sesuatu perkara adalah digalakkan dalam syariah kerana menjamin bahawa pihak yang mempunyai hak tidak terhalang atau tertangguh untuk mendapatkan keadilan yang sewajarnya. Penangguhan yang tidak wajar boleh menyebabkan kezaliman kerana menunda hak seseorang yang sepatutnya diselesaikan dengan segeranya. Namun begitu, kesegeraan dalam menjatuhkan keputusan tidak boleh disalah tafsir sebagai tergesa-gesa atau cuai dalam penilaian kes. Seorang hakim perlu diberi ruang dan masa yang cukup untuk meneliti hujah, keterangan dan bukti yang dikemukakan agar keputusan yang dibuat adalah benar-benar adil dan berdasarkan pemahaman yang jelas. Oleh itu, beliau menolak segala bentuk kelewatan yang berpunca daripada kecuai atau kelemahan dalam pengurusan mahkamah, seperti penangguhan tanpa sebab yang munasabah, kelewatan dalam penyediaan alasan penghakiman

dan kegagalan mendengar hujah pihak yang terlibat. Kesimpulannya, prinsip keadilan Islam mengimbangi antara keperluan untuk bertindak segera dan tanggungjawab untuk menilai secara mendalam demi memastikan keadilan ditegakkan secara menyeluruh dan tidak tertangguh.

Hak untuk Membela Diri

Dengan berdasarkan Seksyen 173 (ha) Akta 593, sekiranya sesuatu kes itu mencapai tahap *prima facie*, tertuduh diperintah untuk membela diri dengan tiga cara, iaitu memberikan keterangan secara bersumpah, memberikan keterangan dengan tidak bersumpah atau berdiam diri. Hak untuk membela diri tetap diberikan kepada tertuduh walaupun tertuduh tidak diwakili oleh peguam. Tambahan pula, sekiranya tertuduh mengaku bersalah, tertuduh juga hendaklah diberi hak untuk membela diri sebelum hukuman dijatuhkan melalui proses mitigasi.

Walau bagaimanapun, peruntukan yang berkaitan dengan tiga bentuk pembelaan diri sebagaimana yang termaktub dalam Akta 593 tidak dijelaskan dalam ETJSNS. Ketiadaan peruntukan ini menyebabkan penggunaan bentuk pembelaan yang tidak seragam di mahkamah syariah (Suhaizad Saifuddin et.al., 2020). Secara umumnya, Islam memberikan hak kepada tertuduh untuk didengar secara adil di hadapan hakim. Setiap individu mesti diberi peluang untuk mempertahankan dirinya, mengemukakan bukti, serta saksi yang menyokong pembelaannya. Hakim tidak boleh membuat keputusan hanya berdasarkan satu pihak atau tanpa mendengar kenyataan daripada kedua-dua belah pihak. Hal ini selaras dengan hadis nabi dalam Abu Daud (1993: 3571), iaitu tidak boleh menjatuhkan hukuman sehingga mendengar (hujah dan keterangan) daripada pihak yang kedua sebagaimana mendengarnya daripada pihak yang pertama agar kelihatan jelas untuk menjatuhkan hukuman.

Pembuktian yang Berat bagi Pihak Pendakwa

Merujuk Seksyen 173 dan Seksyen 182A Akta 593, tahap pembuktian yang perlu ditanggung oleh pihak pendakwa, iaitu bagi mencapai kes *prima facie* telah diperuntukkan secara jelas. Takrifan *prima facie* dijelaskan melalui kes *Pendakwa Raya lwn Hanif Basree Abdul Rahman* [2008] 4 CLJ 1, iaitu pihak pendakwa berjaya membuktikan setiap elemen atau unsur kesalahan, yang jika tidak dipatahkan akan menyebabkan sabitan. Selepas penggulingan kedua-dua kes selesai, hakim menilai keseluruhan

keterangan, sama ada pihak pendakwa telah membuktikan kes sehingga tahap melampaui keraguan yang munasabah atau sebaliknya. Jika hakim mendapati bahawa pihak pendakwa berjaya membuktikannya, hakim akan mensabitkan tertuduh. Sekiranya tidak, tertuduh akan dibebaskan. Hakim hendaklah menimbangkan semua keterangan yang telah dikemukakan. Hal ini bagi memastikan pendakwa telah membuktikan kesnya terhadap tertuduh pada tahap melampaui keraguan yang munasabah. Jika hakim mendapati bahawa pihak pendakwa berjaya membuktikan kesnya pada tahap melampaui keraguan munasabah, hakim hendaklah mensabitkan tertuduh bersalah. Jika sebaliknya, iaitu hakim mendapati bahawa pihak pendakwa gagal membuktikan kesnya sehingga tahap melampaui keraguan yang munasabah, hakim hendaklah merekodkan satu perintah pembebasan. Tatacara ini ada dijelaskan oleh Mahkamah Persekutuan menerusi kes *Vigny Alfred Raj Vicetor Amratha Raja lwn Pendakwa Raya* [2022] 8 CLJ 1.

Walau bagaimanapun, ETSNS tidak memperuntukkan peruntukan yang jelas yang berkaitan dengan tahap pembuktian yang perlu dikemukakan oleh pihak pendakwa. Ketiadaan peruntukan ini menyebabkan tafsiran yang pelbagai dalam kalangan pengamal undang-undang syariah (Suhaizad Saifuddin et al., 2024). Dalam Islam, tahap keyakinan bagi darjah pembuktian dibahagikan kepada lima kategori utama, iaitu *al-yaqin* (yakin), *zan al-Ghalib* (berat sangka), *al-zan* (sangkaan), *al-syak* (keraguan) dan *al-wahm* (salah sangka). Darjah pembuktian ini berbeza-beza mengikut kategori kes jenayah syariah. Sebagai contoh, bagi kes takzir yang dikenakan hukuman berat, seperti penjara seumur hidup atau bunuh, yang terletak di bawah bidang kuasa mahkamah awam di Malaysia, dinyatakan bahawa pembuktian hendaklah sampai kepada tahap *zan al-Ghalib* yang hampir kepada yakin (Suhaizad Saifuddin et al., 2020). *Zan al-Ghalib* dalam bahasa perundangan sivil ialah “melampaui keraguan yang munasabah” (Zulkafar Remlee Saad, 2015).

Hak selepas Perbicaraan (Hak untuk Merayu)

Hak tertuduh tidak terhenti setelah sabitan dijatuhkan dan penghakiman diberikan. Tertuduh mempunyai hak untuk merayu keputusan mahkamah kepada mahkamah yang lebih tinggi. Hak untuk merayu di mahkamah sivil digariskan dalam Akta Kehakiman Mahkamah 1964. Sebelum ini, pengkaji telah membincangkan bahawa tertuduh dianggap tidak bersalah sehingga terbukti sebaliknya dan anggapan ini terpakai ketika perbicaraan jenayah. Oleh itu, ada pandangan baharu yang turut mencadangkan bahawa

anggapan tidak bersalah ini juga terpakai sekiranya tertuduh disabitkan kesalahan dan dalam proses rayuan. Hal ini berdasarkan prinsip undang-undang yang telah lama diterima dalam perundangan Malaysia yang menganggap rayuan sebagai kesinambungan perbicaraan (Mohd Munzil Muhamad, 2020). Di samping itu, terdapat satu lagi prosedur yang dibenarkan untuk rayuan, iaitu permohonan bagi mencabar keesahan sesuatu peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan isu perlembagaan (Suhaizad Saifuddin & Bernard Noel Beneldus, 2025).

Seksyen 138 ETJSNS memperuntukkan bahawa mana-mana individu yang tidak berpuas hati dengan keputusan, hukuman atau perintah yang dibuat oleh hakim mahkamah rendah syariah dalam kes jenayah boleh mengemukakan rayuan kepada mahkamah tinggi syariah. Rayuan ini boleh dibuat jika terdapat kesilapan dari segi undang-undang, fakta atau jika hukuman dianggap terlalu berat atau terlalu ringan. Rayuan perlu dikemukakan dalam tempoh 14 hari dari tarikh keputusan dibuat dengan menghantar lima salinan notis rayuan kepada penolong pendaftar mahkamah rendah syariah yang berkenaan dan dialamatkan kepada mahkamah tinggi syariah. Di samping itu, tidak semua pesalah jenayah syariah wajar dikenakan hukuman yang berbentuk keseksaan, seperti pemenjaraan, terutamanya bagi kesalahan jenayah kecil (Suhaizad Saifuddin, 2025). Oleh hal yang demikian, pesalah wajar memohon rayuan sekiranya hukuman yang dijatuhkan adalah berlebih-lebihan.

METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang memberikan tumpuan terhadap pemahaman mendalam mengenai hak tertuduh dalam kes jenayah syariah di Malaysia. Data diperoleh daripada dua sumber utama, iaitu sumber primer dan sumber sekunder. Sumber primer meliputi statut perundangan, seperti Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003 dan Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593), serta kes yang dilaporkan di mahkamah syariah dan mahkamah sivil yang memberikan contoh praktikal tentang pelaksanaan hak tertuduh. Sumber sekunder pula merujuk literatur yang memberikan pandangan dan ulasan yang berkaitan dengan isu hak tertuduh dalam sistem perundangan, seperti buku dan artikel jurnal akademik. Data yang diperoleh daripada kedua-dua sumber ini dianalisis melalui kaedah analisis perbandingan dan analisis deskriptif. Kaedah analisis perbandingan digunakan untuk membandingkan pelaksanaan dan perlindungan hak tertuduh dalam kes jenayah syariah dengan sistem perundangan lain, seperti common law dan perspektif

Islam, bagi mengenal pasti persamaan dan perbezaan, serta kelebihan dan kekurangan setiap sistem yang ada. Sementara itu, analisis deskriptif digunakan untuk menggambarkan perlindungan hak tertuduh, cabaran dalam pelaksanaannya dan cadangan penambahbaikan secara terperinci. Melalui pendekatan ini, kajian ini dilakukan untuk mendapatkan gambaran komprehensif mengenai hak tertuduh dan mengenal pasti kelemahan dalam pelaksanaannya, seterusnya mencadangkan penambahbaikan untuk memastikan perlindungan hak tertuduh yang lebih adil dan efektif dalam sistem perundangan syariah Malaysia.

PERBINCANGAN DAN DAPATAN

Pengkaji mendapati bahawa terdapat isu kekaburan dan kelompangan dalam ETJSNS yang dapat menjejaskan hak tertuduh dalam perbicaraan kes jenayah syariah di Malaysia. Antara isu pada peringkat praperbicaraan termasuklah kelompangan peruntukan undang-undang yang berkaitan dengan hak untuk mengetahui sebab ditangkap dan sebab ditahan. Dalam hal ini, hak tertuduh untuk diberitahu sebab penangkapannya secepat mungkin tidak diperuntukkan dengan jelasnya dalam ETJSNS, seperti yang dinyatakan dalam Seksyen 28A(1) Akta 593. Seterusnya, terdapat juga kelompangan yang berkaitan dengan hak untuk berunding, diwakili dan dibela oleh peguam. Berkaitan dengan isu ini, tiada peruntukan khusus dalam ETJSNS mengenai hak tertuduh untuk menghubungi saudara atau kawan dan berunding dengan peguam, serta komunikasi antara tertuduh dengan peguam sepanjang proses penyiasatan. Dalam Seksyen 28A(2b) Akta 593, pegawai polis diwajibkan secara jelas untuk memaklumkan hak berunding kepada tertuduh sebelum memulakan soal siasat atau rakaman pernyataan. Isu ini dibangkitkan dalam kes *Kassim @ Osman Ahmad lwn Jabatan Hal Ehwal Agama Islam & Ors* [2015] 1 LNS 1424. Sepanjang penahanan, suspek tidak dimaklumkan haknya untuk berunding dengan peguam dan tidak diberikan capaian kepada penasihat undang-undang. Hal ini melanggar Perkara 5(3) Perlembagaan Persekutuan.

Di samping itu, berhubung dengan hak untuk tidak ditahan secara berlebihan dalam ETJSNS, tidak dinyatakan dengan jelasnya tatacara untuk penahanan reman bagi siasatan kes jenayah syariah yang menyebabkan kelemahan dalam menguruskan siasatan kes yang lebih kompleks dan penting dalam kes yang melibatkan penahanan sementara sebelum perbicaraan (Suhaizad Saifuddin, 2025). Peruntukan reman dalam ETJSNS sepatutnya lebih jelas bagi mengelakkan ketidakpastian dalam pelaksanaan penahanan

sementara sebagaimana Seksyen 117 Akta 593 yang memberikan kuasa kepada majistret untuk memberikan perintah reman bagi siasatan lanjut. Kelemahan tatacara ini dibincangkan dalam kes *Abdul Kahar Ahmad & lain-lain lwn Jabatan Agama Islam Selangor & lain-lain* [2022] 10 CLJ 47. Kes ini berkenaan semakan kehakiman apabila pemohon tidak berpuas hati terhadap perintah hakim mahkamah rendah syariah di bawah Seksyen 23 Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003 yang mengakibatkan penahanan pemohon hingga 99 hari. Dalam kes ini, hakim mahkamah tinggi memutuskan bahawa Seksyen 23 tersebut tidak sah dan tidak berpelembagaan. Hakim berpandangan bahawa seksyen tersebut sama seperti prosedur reman di mahkamah sivil, iaitu undang-undang hanya membenarkan penahanan reman dalam tempoh 14 hari maksimum. Oleh itu, penahanan yang melebihi tempoh itu melanggar undang-undang, terutamanya kebebasan dan hak asasi yang diperuntukkan dalam Perlembagaan Persekutuan. Dalam kes ini, hakim mahkamah rayuan membatalkan keputusan mahkamah tinggi tersebut dan memutuskan bahawa peruntukan Seksyen 23 ETJSNS adalah sah dan berpelembagaan. Mahkamah rayuan memutuskan bahawa semakan kehakiman oleh hakim mahkamah tinggi sivil di bawah Kaedah-kaedah Mahkamah 2012 terhadap keputusan mahkamah syariah tidak terpakai. Mahkamah tinggi sivil tidak mempunyai kuasa semakan kerana mahkamah syariah bukanlah entiti yang termasuk dalam badan perundangan atau tribunal yang dimaksudkan dalam Kaedah 53 Kaedah-kaedah Mahkamah 2012. Mahkamah rayuan hanya membincangkan isu bidang kuasa dan tidak membincangkan isu kesahanan penahanan. Walau bagaimanapun, secara asasnya, tempoh penahanan pemohon dalam kes ini bertentangan dengan peruntukan dalam Seksyen 22 ETJSNS yang memperuntukkan bahawa tempoh maksimum penahanan tertuduh tidak melebihi 24 jam.

Menerusi kes yang dikemukakan ini hak tertuduh dalam prosiding perbicaraan di mahkamah syariah, terutamanya berkenaan dengan hak untuk mendapatkan perbicaraan yang adil, hak untuk membela diri dan kebebasan daripada penahanan yang tidak sah telah dibincangkan. Beberapa isu utama yang timbul telah dikenal pasti, iaitu isu kelewatan dalam prosiding, ketidakpatuhan terhadap tatacara undang-undang dan kegagalan pihak berkuasa untuk memberikan hak yang dijamin oleh undang-undang. Oleh hal yang demikian, isu ini perlu ditambah baik untuk memastikan mahkamah syariah beroperasi secara efisien, adil dan mengikut tatacara yang betul bagi melindungi hak tertuduh dan menjamin prinsip keadilan sebagaimana yang terkandung dalam sistem perundangan dan syariah Islam.

Isu penahanan juga menjadi topik perbincangan dalam kes *Kassim @ Osman Ahmad lwn Jabatan Hal Ehwal Agama Islam & Ors* [2015] 1 LNS 1424. Suspek ditahan melebihi tempoh 24 jam sebelum dihadapkan ke mahkamah. Hal ini bertentangan dengan Seksyen 22 Akta Tatacara Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997 dan Perkara 5(4) Perlembagaan Persekutuan yang menetapkan bahawa tertuduh harus dibawa ke hadapan hakim dalam tempoh 24 jam selepas penangkapan. Penahanan suspek juga tidak mematuhi Kaedah-kaedah Lokap 1953, khususnya mengenai tempoh dan masa pengurungan tahanan malam, menambah lagi pelanggaran prosedur hak asasi.

Pada peringkat yang sama, tiada peruntukan berkenaan beberapa prosedur penting, seperti perundingan sebelum perbicaraan, pengurusan kes, tawaran pengakuan (plea bargaining) dan tatacara yang berkaitan bagi mempercepat dan melancarkan prosiding perbicaraan bagi kes jenayah syariah. Hal ini dapat menyebabkan ketidakberkesanan sistem kehakiman syariah kerana peruntukan ini penting bagi mempercepat dan melancarkan prosiding perbicaraan. Tatacara ini dijelaskan secara terperinci dalam Seksyen 172A hingga Seksyen 172G Akta 593.

Pada peringkat perbicaraan pula, berhubung dengan hak tertuduh untuk mendapatkan jaminan, tiada pengkategorian jenis kesalahan sebagai kesalahan yang boleh dijamin atau tidak dalam ETJSNS berbanding dengan Akta 593. Sebagai contoh, dalam Seksyen 388 Akta 593, kesalahan yang lebih serius, seperti kesalahan yang melibatkan ancaman keselamatan awam tidak dibenarkan jaminan, tetapi dalam ETJSNS, perkara ini tidak dijelaskan dengan jelasnya. Ketiadaan peruntukan terperinci dalam ETJSNS mengenai prosedur jaminan bagi kes jenayah syariah juga dapat menimbulkan kekeliruan dalam pelaksanaannya, sehingga menyebabkan ketidaksamarataan dalam pemberian capaian terhadap jaminan untuk tertuduh.

Sementara itu, terdapat isu berhubung dengan hak tertuduh untuk mendapatkan perbicaraan yang adil yang ditimbulkan dalam kes *Kamariah Ali lwn Ketua Pendakwa Syarie Terengganu* [2010] SHRU 20, [2010] 3 LNS 20. Kes ini berkenaan hak tertuduh untuk mendapatkan perbicaraan yang adil apabila mahkamah pada 2 Mei 2017 memutuskan kes ini sebagai Dilepaskan Tanpa Dibebaskan (DNAA). Hal ini dikatakan demikian kerana kes ini mengambil masa yang terlalu lama bermula dari 23 September 2012 sehingga tarikh penghakiman dan pihak pendakwa syarie memberikan alasan yang sama, iaitu tidak bersedia untuk bicara berulang-ulang kali. Hakim dalam kes ini memutuskan bahawa pendakwa

syarie boleh memohon untuk tidak meneruskan pendakwaan terhadap tertuduh pada mana-mana peringkat perbicaraan sebelum penghakiman diputuskan sekiranya berpendapat secara wajar bahawa adalah lebih baik untuk tidak membuang masa mahkamah dan atas alasan tidak bersedia, serta tidak bersungguh-sungguh untuk membuktikan bahawa dakwaan pendakwa syarie adalah relevan dengan pertuduhan.

Hakim dalam kes ini juga mengingatkan bahawa setiap pendakwaan di hadapannya perlu dilaksanakan dengan penuh persediaan dan bersungguh-sungguh, tidak sesekali membuang masa mahkamah dengan alasan tidak bersedia dan menundanya kepada tarikh yang selanjutnya. Selain itu, pendakwa juga perlu bersedia dari segi segala persiapan saksi dan dokumen, serta dilakukan tepat pada masanya untuk menunjukkan sikap dan etika pendakwa syarie yang berkelayakan untuk membantu Duli Yang Maha Mulia Sultan Negeri Terengganu. Hakim juga mengingatkan bahawa syariat Islam amat-amat memperhalus perkara tersebut agar setiap prosiding yang berlaku di mahkamah dilaksanakan dengan penuh bersungguh-sungguh dan teliti agar tidak sesekali menzalimi dan memudaratkan manusia.

Berhubung dengan perbicaraan juga, tiada pengaturan yang jelas dalam ETJSNS berhubung perbicaraan tertutup dalam kes tertentu dan kes khas. Walaupun ada peruntukan mengenai perbicaraan terbuka, tidak ada penjelasan mendalam tentang tarikh pelaksanaan perbicaraan secara tertutup yang menghalang perlindungan hak dan privasi pihak yang terlibat dalam kes sensitif. Seterusnya, berkaitan dengan hak tertuduh untuk membela diri, penjelasan terperinci dalam ETJSNS tentang hak untuk membela diri harus diberikan kepada tertuduh sebagaimana yang diperuntukkan melalui Seksyen 173(ha) Akta 593. Ketiadaan panduan ini menyebabkan potensi ketidakadilan terhadap individu yang tidak mempunyai peguam. Sementara itu, berhubung dengan tahap pembuktian yang perlu dipikul oleh pihak pendakwa, ETJSNS tiada penjelasan terperinci dalam ETJSNS tentang tahap pembuktian yang diperlukan dalam kes syariah yang dapat menyebabkan tafsiran yang berbeza-beza antara pengamal undang-undang syariah. Ketiadaan peruntukan yang lebih terperinci mengenai tahap pembuktian dalam ETJSNS ini mengakibatkan kekeliruan dalam kalangan pengamal undang-undang syariah mengenai tahap pembuktian yang seharusnya diterapkan dalam perbicaraan.

Satu lagi isu yang berbangkit ialah hak tertuduh untuk membela diri dan tatacara yang betul bagi individu yang didakwa melakukan penghinaan

mahkamah dalam mahkamah syariah sebagaimana yang dijelaskan oleh mahkamah dalam kes *Ahmad Shapiai lwn Hani Itam Ali Husin & Yang Lain* [2005] 1 *CLJ (Sya)* 381. Kes ini berkenaan Mahkamah Rayuan Syariah Perak yang diketuai oleh Kamaluddin Maamor A. J. yang memutuskan bahawa pertuduhan tersebut perlu dibaca dan diterangkan dengan jelasnya kepada tertuduh sehingga tertuduh memberikan pengakuan secara lisan, sama ada bersalah atau tidak bersalah. Keputusan ini menekankan hak asas tertuduh untuk memahami tuduhan yang dihadapinya sebelum membuat pengakuan. Dalam kes ini, hakim memutuskan bahawa perayu, iaitu Ahmad Shapiai, tidak diberi peluang yang mencukupi untuk membela dirinya sebelum dijatuhi hukuman oleh mahkamah rendah, yang dianggap sebagai suatu ketidakadilan. Oleh itu, hakim sebulat suara bersetuju untuk membenarkan rayuan ini, membatalkan sabitan penghinaan mahkamah dan mengetepikan keputusan mahkamah rendah.

Hakim merujuk tiga kes daripada mahkamah sivil sebagai autoriti untuk menyokong prinsip bahawa tuduhan mesti dibaca dan diterangkan kepada tertuduh sebelum pengakuan dilakukan. Walaupun mengakui bahawa kes daripada mahkamah sivil tidak mengikat mahkamah syariah, hakim tetap memilih untuk merujuk kes ini sebagai panduan yang berwibawa. Hal ini menunjukkan bahawa mahkamah syariah, termasuklah mahkamah rayuan syariah, boleh merujuk keputusan mahkamah sivil untuk menjelaskan undang-undang, terutamanya dalam situasi apabila peraturan dan tatacara mahkamah syariah mungkin kabur atau tidak lengkap. Isu utama yang timbul dalam kes ini ialah kekurangan peraturan dan tatacara yang jelas bagi kes penghinaan mahkamah dalam mahkamah syariah. Walaupun terdapat peruntukan mengenai penyampaian notis untuk menunjukkan sebab dalam kes penghinaan mahkamah di semua mahkamah syariah (kecuali di Kedah), tiada peraturan lanjut yang mengatur prosedur kes penghinaan secara khusus. Kelompongan tatacara terperinci ini mencetuskan ketidakpastian dalam pengurusan kes penghinaan dan menjadi kebimbangan utama dalam kes ini. Kes ini menonjolkan keperluan untuk memperjelas garis panduan tatacara bagi kes penghinaan mahkamah dalam mahkamah syariah bagi memastikan keadilan dan ketelusan dalam proses percikaraan.

KESIMPULAN

Hak yang diberikan kepada tertuduh bukan sahaja penting bagi memastikan individu tersebut tidak dizalimi, tetapi juga memastikan bahawa proses keadilan dilakukan secara adil, telus dan mengikut lunas

undang-undang. Kepentingan hak tertuduh juga sangat berkait rapat dengan prinsip keadilan yang lebih luas dalam sistem perundangan Islam dan sistem perundangan Malaysia. Dalam Islam, prinsip keadilan menjamin bahawa setiap individu berhak untuk mendapatkan perbicaraan yang adil dan tidak menyebelahi mana-mana pihak tanpa mengira latar belakang, status atau kedudukannya dalam masyarakat. Kepentingan hak tertuduh dalam sistem keadilan tidak hanya untuk melindungi individu, tetapi juga untuk menjaga kredibiliti dan integriti sistem kehakiman itu sendiri. Pengkaji mendapati bahawa meskipun hak tertuduh diiktiraf sebagai asas utama untuk menjamin keadilan perbicaraan menurut prinsip syariah dan perundangan Malaysia, pelaksanaannya dalam konteks perbicaraan jenayah syariah masih berhadapan dengan pelbagai cabaran.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat kelompongan dan kekaburan dalam ETJSNS yang menjejaskan pelaksanaan hak tertuduh secara efektif. Antara isu kritikal yang dikenal pasti termasuklah ketiadaan peruntukan yang jelas berkenaan hak tertuduh untuk diberitahu sebab tangkapan dan tahanan, hak untuk diwakili dan berunding dengan peguam, serta tatacara penahanan reman yang komprehensif seperti yang digariskan dalam Akta 593. Kelewatan perbicaraan, ketiadaan pengkategorian kesalahan bagi tujuan jaminan dan kekurangan tatacara praperbicaraan, seperti pengurusan kes dan pengakuan salah (plea bargaining), turut menimbulkan kebimbangan. Oleh itu, pengkaji mencadangkan agar beberapa penambahbaikan dilaksanakan dalam sistem tatacara jenayah syariah. Antara cadangan utama termasuklah penambahan peruntukan khusus yang berkaitan dengan hak individu ketika tangkapan dan tahanan, memperkenalkan tatacara reman dan jaminan, pengenalan elemen pengurusan kes, serta tawaran pengakuan salah (plea bargaining), menetapkan bentuk pembelaan tertuduh dari menetapkan darjah pembuktian bagi kes jenayah syariah. Pelaksanaan reformasi ini dijangka bukan sahaja dapat meningkatkan keberkesanan pentadbiran kehakiman syariah, tetapi juga memperkukuh kredibiliti dan integriti institusi perundangan Islam di Malaysia. Oleh itu, prinsip keadilan dalam Islam yang menekankan kesaksamaan, perlindungan hak dan maruah individu perlu dijadikan asas dalam pelaksanaan undang-undang agar keyakinan masyarakat terhadap sistem kehakiman syariah sentiasa terpelihara.

PENGHARGAAN

Penyelidik merakamkan penghargaan yang setinggi-tingginya kepada Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia kerana menyediakan kemudahan dan sumber penyelidikan bagi menyempurnakan makalah ini.

SUMBANGAN PENGARANG

Suhaizad Saifuddin: Penginterpretasian hasil, penulisan makalah, penyediaan makalah, penyediaan makalah akhir, semakan dan penghantaran manuskrip akhir; Intan Shafinaz Mohamadi: Konsep dan reka bentuk kajian, pengumpulan data, penulisan makalah dan penyediaan makalah.

PENDANAAN

Penerbitan ini dibiayai oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

PERNYATAAN KETERSEDIAAN DATA

Data yang menyokong kajian ini tersedia dalam makalah ini.

PERISYTIHARAN

Konflik kepentingan: Pengarang tidak mempunyai sebarang konflik kepentingan dari segi kewangan dan bukan kewangan untuk diisytiharkan.

RUJUKAN

- Abdul Kahar Ahmad & others lwn Jabatan Agama Islam Selangor & others* [2022] 10 *CLJ* 47.
- Abdul Karim Zaidan. (1989). *Nizam al-Qadafi al-Shariah al-Islamiah*. Muassasah Al-Risalah.
- Abu al-Walid al-Baji. (1999). *Al-muntaqa syarh al-muwatta Imam Malik*. Dar al-Kutub 'Ilmiyyah.
- Abu Daud (1993). *Sunan Abi Daud*. Matba'ah Al-Tazi.
- Ahmad Ibn Hanbal. (1999). *Musnad Ahmad ibn Hanbal*. Dar al-Hikmah.
- Ahmad Shapiai lwn Hani Itam Ali Husin & Others* [2005] 1 *CLJ* (Sya) 381.
- Akta Mahkamah Kehakiman 1964 (Akta 91). (1964). Percetakan Nasional Malaysia Berhad. https://fliphtml5.com/tcrqj/jqpp/Akta_Mahkamah_Kehakiman_1964_%28Akta_91%29/
- Alagan Srimurugan. (2006). Right of an accused person to consult and to be defended by a legal practitioner revisited. 3 *CLJ* xlv.

- Al-Bukhari, A. A. M. (1997). *Sahih al-Bukhari ma' hashiyat al-sindi*. Maktabah Al-'Asriyyah.
- Al-Ghazali. (1997). *Al-mustasfa min 'ilm al-usul*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Hariri. (1998). *Al-madkhal ila al-qawa'id al-fiqhiyyah al-kulliyah*. Dar 'Ammar.
- Al-Kasani. (1998). *Bada'i' al-sana'i'*. Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Nadwi. (1998). *Al-qawaid al-fiqhiyyah*. Dar al-Qalam.
- Al-Nawawi. (2002). *Al-majmu' sharh al-muhadhdhab*. Dar al-Fikr.
- Baljit Singh Sidhu. (2016). *Criminal litigation process*. Sweet & Maxwell Asia.
- Dorosamy a/l Chinnia @ Ali bin Abdullah lwn Pendakwa Raya [2020] MLJU 2257.
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Selangor) 2003. (2003). <https://www.mais.gov.my/wp-content/uploads/2020/10/ENAKMEN-TATACARA-JENAYAH-SYARIAH-NEGERI-SELANGOR-2003.pdf>
- Hamid Sultan Abu Backer. (2010). *Janab's key to criminal procedure and evidence*. Janab (M) Sdn. Bhd.
- Ibn Hazm. (1983). *Al-ihkam fi usul al-ahkam*. Dar Al-Ifaq Al-Jadidah.
- Ibn Qayyim. (1993). *'Ilam al-muwaqi'in*. Dar al-Hadis.
- Ibn Qudamah. (1997). *Al-mughni*. Dar al-Fikr.
- Inspector Yusof Hj Othman & Others lwn Kwan Hung Cheong [2011] 8 CLJ 1.
- Kamariah Ali lwn Ketua Pendakwa Syarie Terengganu [2010] SHRU 20, [2010] 3 LNS 20.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2016). Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593). (2021). https://www.sprm.gov.my/admin/files/sprm/assets/pdf/penguatkuasaan/Akta_593_%281.10.2021%29_BM.pdf
- Kassim @ Osman Ahmad V. Jabatan Hal Ehwal Agama Islam & Ors [2015] 1 LNS 1424
- Martin, R. (1997). *The concept of rights: A system of rights*. Oxford University Press.
- Mat lwn Pendakwa Raya [1963] CLJU 82; [1963] 1 MLJ 263.
- Moh Ting King lwn Pendakwa Raya [1995] 3 MLJ 461.
- Mohd Hilmi Saadan, & Ramizah Wan Muhammad. (2017). Justifiability of remand detention provision in Syariah Criminal Procedure Enactment (2003): A case of Selangor. *Legal Network Series, A (xli)*, 1–31.
- Mohd Jalil bin Abdullah & Anor lwn Pendakwa Raya [1996] 5 MLJ 564.
- Mohd Munzil Muhamad. (2020). Presumption of innocence: Should it apply during the appeal process? *Malayan Law Journal*, 5 MLJ xxv.
- Muhammad Afifi Abdul Hamid. (2019). Hak-hak keistimewaan kaum Melayu di Malaysia: Analisis berdasarkan perspektif Islam. *Prosiding Kolokium Penyelidikan Siswazah Kebangsaan 2019*. Kolej Universiti Islam Melaka.
- Muhammad Mustafa al-Zuhaili. (2009). *Al-Qawaid al-fiqhiyyah wa tatbiqatuha fi al-mazahib al-'arbaah*. Dar-Fikr.

- Ooi Ah Phua lwn Officer in Charge of Criminal Investigation, Kedah/Perlis* [1975] 2 *MLJ* 198.
- Pendakwa Raya lwn Dato' Seri Anwar Ibrahim* [1998] 4 *MLJ* 481
- Pendakwa Raya lwn Dato' Seri Anwar Ibrahim* [1999] 1 *MLJ* 321.
- Pendakwa Raya lwn Hanif Basree Abdul Rahman* [2008] 4 *CLJ* 1.
- Pendakwa Raya lwn Mah Chuen Lim & Ors* [1975] 1 *MLJ* 95.
- Pendakwa Raya lwn Mah Chuen Lim & Ors* [1975] 1 *MLJ* 95.
- Pendakwa Raya lwn Yagambaram Chettiar Kaparoom & Yang Lain* [2024] *CLJU* 2586.
- Polis Diraja Malaysia lwn Audrey Keong Mei Cheng* [1994] 3 *CLJ* 362 (HC).
- Quek Qin Long & Yang Lain lwn Pendakwa Raya* [2024] 10 *CLJ* 625.
- R lwn Rose* [1895–1899] *All ER* 350.
- Sook Shioh Liong lwn Pendakwa Raya* [1993] 2 *MLJ* 38.
- Suhaizad Saifuddin, & Bernard Noel Beneldus. (2025). Perbuatan menggoda pasangan yang berkahwin: pertimbangan undang-undang dan moral selepas pemansuhan Seksyen 498 kanun keseksaan. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 37(1), 121–142. [https://doi.org/10.37052/kanun.37\(1\)no6](https://doi.org/10.37052/kanun.37(1)no6)
- Suhaizad Saifuddin, Ahmad Azam Mohd Shariff, Muhamad Helmi Md Said, Ramalinggam Rajamanickam, & Tg. Noor Azira Tg. Zainudin. (2020). Pemakaian beban dan darjah pembuktian dalam kes jenayah syariah di Malaysia: Satu analisis. *Akademika*, 90(1), 87–98. <https://doi.org/10.17576/akad-2020-9001-08>
- Suhaizad Saifuddin, Hanifah Haydar Ali Tajuddin, Mohamad Azhan Yahya, Mohamad Rizal Abd Rahman, & Fatimah Yusro Hashim. (2024). Examining the application of standard of proof in criminal cases: A comparative analysis of Islamic law and common law in Malaysia. *Malaysian Journal of Syariah and Law*, 12(1), 11–22. <https://doi.org/10.33102/mjsl.vol12no1.491>
- Suhaizad Saifuddin. (2025). Pemakaian Akta Perintah Kehadiran Wajib 1954 [Akta 461] bagi pesalah jenayah syariah. *Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 37(1), 165–176.
- Tafsir pimpinan al-Quran kepada pengertian al-Quran (Edisi ke-22). (2013). Jabatan Kemajuan Islam Malaysia.
- Tengku Maimun Tengku Mat. (2024). Hakim bebas buat keputusan berdasarkan fakta, undang-undang – Ketua Hakim Negara. *Astro Awani*. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/hakim-bebas-buat-keputusan-berdasarkan-fakta-undangundang-ketua-hakim-negara-454124>
- Vigny Alfred Raj Vicetor Amratha Raja lwn Pendakwa Raya* [2022] 8 *CLJ* 1.
- Woolmington lwn Pendakwa Raya* [1935] *AC* 462.
- Zulkafar Remlee Saad. (2015). Pembuktian dalam kes jenayah syariah Malaysia: Isu dan penyelesaian. *Jurnal Kanun: Jurnal Undang-undang Malaysia*, 27(1), 123.